



'Jangan main isu kaum, agama'

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Mei 27, 2023 @ 11:01pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LANGAT: Kerajaan tidak akan berkompromi dengan isu perkauman dan agama yang dimanipulasi pihak tertentu untuk mengganggu-gugat kestabilan negara serta ketenteraman rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata tindakan kumpulan itu termasuk yang menggunakan pempengaruh untuk meracuni pemikiran rakyat, dikhawatirinya boleh menjadikan kestabilan politik dibina kerajaan.

"Jangan main isu perkauman. Jangan main isu agama. Saya tegaskan, tidak ada kompromi isu agama dan bangsa kita, walau apa pun manipulasi dilakukan.

"Kita (kerajaan) terus mengakarumbikan soal bangsa kita (Melayu) tanpa ketepikan agama dan bangsa lain. Tidak cair keimanan kalau kita santuni bangsa lain," katanya berucap pada Majlis Anugerah Gerakan Belia 4B Malaysia di sini, malam ini.

Beliau berkata, usaha kerajaan membina kestabilan politik pada masa ini bukan berpaksikan kepentingan politik, tetapi untuk pembangunan negara dan kedudukan ekonomi supaya lebih baik.

"Ini untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan kita juga kerana Malaysia negara majmuk.

"Begini juga soal kestabilan, bukan semata agenda politik tapi pembangunan negara dan ekonomi lebih baik serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pertubuhan belia harus fokus kepada tiga elemen penting untuk meningkatkan peranannya sebagai penggerak belia.

"Organisasi yang kita ketuai ini mesti melihat kepada aspek pembabitan ahlinya dalam sektor ekonomi dan untuk meningkatkan status sosioekonomi.

"Kedua, saya menawarkan agar kita manfaatkan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ada 529 kursus ditawarkan untuk bukan saji ahli tapi pemimpin organisasi belia.

"Sekarang ada 280 institusi TVET di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

"Ketiga, menawarkan skim rangsangan untuk belia. Oleh kerana ada lebih 2,000 maahad tahfiz berdaftar, maka kita mahu pelajar tahfiz yang akan menjadi hufaz selepas hafal 30 juzuk digalak mengambil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan TVET," katanya.

Beliau berkata, sudah tiba masa organisasi belia bersama kerajaan untuk mengangkat para hufaz negara supaya menjadi kumpulan profesional.